



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

20 Disember 2020
5 Jamadilawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">•
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Berjaga malam lepaskan hidupan marin ke laut
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Penjara Jelebu ternak ikan air tawar• Udang kara 'budak panjang'• Sudah ada dating nak beli
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Anak penyu karah terdampar di Pantai Teluk Ketapang
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
The Borneo Post	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		43	20/12/2020

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pelancong yang berkunjung ke Kuantan. Pahang pastinya tidak singgah ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Cherating yang terkenal dengan aktiviti melepaskan anak penyu ke laut.

Dibuka jam 9 pagi hingga jam 5.30 petang, enam hari seminggu kecuali Isnin ia pasti menyajikan percutian sambil mendapat pelbagai informasi mengenai reptilia bercengkerang itu.

Aktiviti yang disediakan di situ ialah melihat penyu agar dewasa dalam kolam sambil memberi penyu berkenaan makan kubis, melawat bilik pameran hidupan laut, menyaksikan tayangan video program berkaitan penyu dan membeli pelbagai cenderamata.

Ia sememangnya sesuai dikunjungi bersama keluarga bagi memberi peluang terutama kepada kanak-kanak melihat lebih dekat penyu yang adalah sejenis hidupan laut bercengkerang yang menarik.

Lihat anak penyu

Jika bernasib baik pelancong juga berpeluang melihat anak penyu yang baru menetas dalam kawasan rumah pelepasan, pengunjung hanya berpeluang melihat dari luar pagar.

Dituturkan sepenuhnya oleh Jabatan Perikanan Pahang, jarak perjalanan dari pusat bandar Kuantan ke PKPP Cherating kira-kira 45 kilometer Jalan Kuantan-Kemaman, Bukit Cherating.

Pelbagai kemudahan terdapat dalam kawasan seluas 0.01 hektar dan turut memberi peluang kepada pihak sekolah dan pusat pengajian tinggi mengadakan aktiviti perkhemahan dengan kerjasama pusat berkenaan yang sentiasa mengamit kehadiran pelbagai pihak.

Lihat penyu bertelur

Seriap tahun terdapat syarikat swasta menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat membabitkan aktiviti kesedaran terhadap pentingnya penyu dan kemuncaknya melepas anak penyu ke laut, selain penajasan.

Datang ke sini tidak bermakna sekiranya tidak berpeluang melepaskan anak penyu ke laut, aktiviti berkenaan hanya diadakan selepas jam

Berjaga malam lepaskan hidupan marin ke laut

Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Cherating sediakan pelbagai tarikan untuk aktiviti pelancong



Kami berharap aktiviti pelepasan anak penyu yang diadakan sepanjang tahun di PKPP Cherating dapat menambahkan jumlah pendaratan penyu agar dan karah suatu hari nanti"

Abdullah Jaafar, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang



Pelancong melihat anak penyu baru dilahirkan di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Cherating.

enam petang sahaja. Ancaman pemangsa seperti burung helang menjadi faktor utama anak penyu hanya dilepaskan lewat petang.

Pada musim kemuncak penyu bertelur bermula Jun hingga Ogos pelancong yang bertuah serta sanggup berjaga malam menunggu kemunculan ibu penyu naik ke pesisir pantai untuk bertelur, boleh berbuat demikian.

Aktiviti bernilai awal pagi itu akan dibantu oleh beberapa renjer yang berpengalaman.

Jumlah pelepasan berkurangan

Dalam tempoh 10 bulan tahun ini, pusat berkenaan mengumpul sebanyak 11,351 telur hasil pendaratan 134 penyu jenis agar berbanding 41,420 telur tahun lalu.

Ini diakui Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah

Jaafar yang mendapati daripada jumlah itu sebanyak 4,997 telur ditetaskan di rumah penetasan khas sebelum dilepaskan ke laut secara berperingkat.

"Jumlah pendaratan dan telur penyu di PKPP Cherating dalam tempoh 10 bulan tahun ini jauh lebih rendah berbanding tahun lalu disebabkan beberapa faktor antaranya seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP) berikutan wabak COVID-19 menyebabkan usaha mengesan ibu penyu yang bertelur tidak dapat dilakukan.

Rekod pendaratan tertinggi dicatat pada Julai membabitkan 47 pendaratan penyu agar yang menghasilkan sebanyak 4,123 telur, diikuti Ogos sebanyak 35 pendaratan dan 2,882 telur; September (25) 1,985 telur dan Oktober (16) 1,447 telur.

"Jumlah pendaratan penyu

setiap tahun di pusat ini di Cherating tidak menentu disebabkan beberapa faktor seperti keadaan laut, ancaman daripada nelayan dan faktor semula jadi.

"Kami berharap aktiviti pelepasan anak penyu yang diadakan sepanjang tahun di PKPP Cherating dapat menambatkan jumlah pendaratan penyu agar dan karah suatu hari nanti," katanya.

Berita bahawa, tahun lalu sebanyak 42,162 telur hasil pendaratan 475 penyu agar, daripada jumlah itu 28,420 berya ditetas dan dilepaskan ke laut.

Pusat ini kini ditutup sementara bagi kerja menaik tarai, ia hanya akan dibuka sepenuhnya Januari tahun depan.

Katanya, banyak program pelepasan anak penyu tidak dapat diadakan berikutan PKPP aktiviti berkenaan dilakukan secara dalaman sebagai akibat bimbingan kakitangan jabatan, katanya.

Giat tinjaukan promosi

Bejau menjangkakan kehadiran pelancong akan bertambah tahun depan apabila pelbagai kemudahan dinaik taraf dalam usaha meletakkan pusat ini sebagai produk pelancongan terbaik di negeri ini.

"Nama pusat di Cherating ini bukan sahaja terkenal dalam kalangan pelancong tempatan tetapi ia turut dikenali pelancong antarabangsa. Sebelum ini kehadiran pengunjung amat menggalakkan, bagaimanapun disebabkan situasi pandemik ini kehadiran pelancong berkurangan.

"Promosi oleh syarikat pelancongan selain media dan dari mulut ke mulut dapat terus memperkenalkan lagi pusat ini," katanya.



Pelancong yang berkunjung ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Cherating diberi peluang melepaskan ke laut.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	18	20/12/2020



SHAHRUM (kiri) melepaskan anak ikan jelawat ke kolam ternakan di Penjara Jelebu.

M/S 18
20/12/2020

Penjara Jelebu ternak ikan air tawar

Jelebu: Penjara tidak lagi hanya lokasi mengurung banduan, malah kini berpotensi dibangunkan sebagai lokasi penternakan ikan air tawar skala besar.

Terbaharu Penjara Jelebu di sini, dinobatkan sebagai johan Anugerah Kecemerlangan Bengkel Akaun Amanah Sektor Penternakan Peringkat Jabatan Penjara Malaysia, sekali gus menjadi contoh kepada pengusaha yang baru menceburi bidang akuakultur.

Pegawai Perikanan Daerah Jelebu, Mohd Azhar Jusoh berkata, pihak Penjara Jelebu sentiasa menjadikan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sebagai rujukan utama dalam memastikan penternakan ikan air tawar

diusahakan mereka berjaya.

Katanya, kejayaan Penjara Jelebu melaksanakan penternakan ikan keli secara sistematik wajar dicontohi pengusaha baharu yang lain.

“Apabila diurus dengan betul, pihak Penjara Jelebu mampu mengeluarkan sehingga lapan tan ikan keli sebulan yang bukan sahaja untuk kegunaan mereka, tetapi dipasarkan ke kawasan sekitar.

“Berikutan itu, tidak mustahil Penjara Jelebu mampu menjadi pengeluar sumber ikan air tawar secara tetap setiap bulan, malah bekalan ikan berkenaan turut dihantar antaranya ke Penjara Kajang, Sungai Buloh dan Seremban.

“Dengan memiliki lapan

kolam tanah dan 10 kolam simen, ia turut memberi latihan kemahiran kepada banduan dalam bidang penternakan,” katanya kepada Harian Metro selepas program pelepasan 1,000 anak ikan jelawat di penjara berkenaan, semalam.

Hadir sama, Pengarah Penjara Jelebu, Shahrom Mohamad dan Pegawai Penyelidik Institut Perikanan Air Tawar (FRI) Glami Lemi, Parceval Conder.

Semua anak ikan berkenaan disumbangkan oleh FRI Glami Lemi.

Mohd Azhar berkata, pengusaha baharu perlu belajar dan tidak jemu menimba ilmu akuakultur bagi memastikan bidang menceburi mendatangkan keuntungan.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		

35

20/12/2020

KATEGORI LIPUTAN: POSITIF NEGATIF NEUTRAL

METRO AHAD

20 DISEMBER 2020

XPRESI | 35



UDANG kara boleh dijual dengan RM20 sekilogram



Mohd Azli Hisyam memelihara udang kara dengan bantuan Risda.



Mohd Azli Hisyam menunjukkan udang kara yang semakin membesar dan menunggu masa untuk dipasarkan.

UDANG KARA 'BUDAK PANJANG'

Ternakan remaja tertinggi di Malaysia kini cecah lebih 2,000 ekor

AGRO

Teks dan foto Kamal Ibrahim
rencana@metro.com.my

'Tinggi terjatak' mengubah pendirian hidup seorang pemuda kerana terpaksa melupakan cita-cita asai menjadi tentera dan beralih kepada memelihara udang kara. Mohd Azli Hisyam Abdul Ghafar, 26, atau

lebih dikenali sebagai 'budak panjang' kerana ketinggian luar biasa iaitu 2.2 meter. Lelaki tertinggi di Malaysia ini tidak menyesal mengubah haluan hidupnya. Malah, dia menganggap memelihara udang kara dekat rumahnya di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3, Gua Musang, Kelantan rezeki yang datang bergolek.

Ini apabila dia mendapat tawaran Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) untuk memelihara udang kara yang belum ada penduduk berbuat demikian di sekitar Gua Musang dan semuanya diberi bantuan. Daripada permulaan memelihara udang kara itu enam ekor tujuh bulan lalu kemudian ditambah 70 ekor lagi udang induk

yang membiak hingga lebih 2,000 ekor sekarang. Ketika ditemui dia berkata, selain dapat benih udang kara itu secara percuma, Risda daerah itu juga membina sebuah bangsal dan lengkap dengan kemudahan. Katanya, sebelum ini timbul rasa runcing apabila sukar mencari peluang pekerjaan berikutan diri berubah

ketinggian secara luar biasa ketika berumur 14 tahun. "Saya memang tiok peranan berlaku perubahan luar biasa itu hingga takan sekelas menyuarakan kepada saya mengenai perkara itu. "Sepas betahlan saya tiba-tiba merasai perubahan ketinggian hingga sukar berdiri lebih lama dan cepat rasa penat," katanya.

Dalam keadaan demikian selepas tamat pengajian dia tidak ada pilihan dan untuk hidup berdikari dia memberi tumpuan kepada ternakan udang kara. Menurut Mohd Azli Hisyam, memang cita-citanya menjadi tentera sejak di bangku sekolah tetapi sudah hilang kelayakan disebabkan ketinggian luar biasa.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				36	20/12/2020
		NEGATIF	NEUTRAL		

SUDAH ADA DATANG NAK BELI

Mohd Azli Hisyam perlu tunggu antara 3 hingga 5 bulan supaya pembesaran meningkat sebelum jual

BERITA MUNDI 35

Dia adalah tepasan Insitut Kemahiran Bella Negara (TKBN) Naka, Alor Star, Kedah bahagian penyaman udara, tetapi selepas tamat pengajian tidak mampu melakukan kerja itu.

Malah, dia juga menerima sijil daripada Malaysia Book Of Record sebagai remaja tertinggi di negara ini beberapa tahun lalu disampaikan Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu Perdana Menteri.

Katanya, selain sukar mencari peluang pekerjaan sama ada di jabatan kerajaan atau swasta, dia juga terpaksa melupakan hasrat berumah tangga kerana tidak ada pilihan wanita yang sesuai.

"Orang seperti saya ini yang mempunyai ketinggian luar biasa sukar bagi wanita untuk terima sebagai suami," katanya.

Bagi menghilangkan rasa tertekan berdepan dengan segala masalah itu dia lebih banyak menghabiskan masa sehari-hari dengan

BANGSAL tempat memternak udang kara dibina dengan bantuan Risa dan lengkap peralatan memternak.



PRESIDEN Kelab Media Kelantan Darulnaim (Kemudi) Shahmin Haniffa Suhaimi (dua dari kiri), timbalannya Zabidi Ishar dan wartawan bersama Mohd Azli Hisyam



MOHD Azli Hisyam menunggang motorikal berulang-alik sejauh satu kilometer dari kedai makan ibu bapanya ke bangsal ternakan udang kara setiap hari.



MOHD Azli Hisyam (kiri) berbincang dengan bapanya, Ab Ghafar, setiap hari sebelum ke bangsal ternakan udang.

Pembiakan udang itu cepat iaitu antara 20 hingga 40 ekor bagi setiap induk yang diternaknya dan pasaran cukup besar iaitu RM120 sekilogram

MOHD AZLI HISYAM

memternak udang. Ternakan udang kara itu belum boleh dijual dan perlu tunggu antara tiga hingga lima bulan supaya pembesaran meningkat. Katanya, pembiakan udang itu cepat iaitu antara 20 hingga 40 ekor bagi setiap induk yang diternaknya dan pasaran

cukup besar iaitu RM120 sekilogram.

Dia akan gandakan jumlah ternakan udang itu dahulu sebelum dipasarkan walaupun sudah ada yang datang untuk membelinya.

Bapanya, Ab Ghafar Omar, 74, pula berkata, bidang ternakan udang itu perlu banyak dipelajari kerana ada kerumitan dan segi penjagaannya selain dia banyak membantu Mohd Azli Hisyam.

"Saya berada di bangsal ternak udang itu setiap hari selain Mohd Azli Hisyam juga menerima tunjuk ajar daripada Risa dan Jabatan Perikanan Kelantan.

"Insya-Allah, bidang itu boleh mencapai kejayaan berterusan selagi berlaku pembiakan dan menambah jumlah udang sebelum dapat dijual," katanya.

Dia berkata, Mohd Azli Hisyam anak kecundang daripada jajan beradik yang mempunyai ketinggian luar dan mungkin ia rahmat Tuhan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		37	20/12/2020

SH m/s 37 20/12/2020

Anak penyu karah terdampar di Pantai Teluk Ketapang

FOTO: IHSAN APM

KUALA NERUS - Angkatan Pertahanan Awam (APM) menyelamatkan seekor anak penyu karah yang ditemui terdampar dalam keadaan lemah di Pantai Teluk Ketapang pada Jumaat.

Pegawai APM Kuala Nerus, Leftenan Muda (PA) Nurul Asjad Syuhirah Ahmad Bakhtiar berkata, reptilia itu diselamatkan sepasukan anggota selepas menerima panggilan daripada orang awam kira-kira jam 5.15 petang.

"Penyu itu cuba dibawa kembali ke pantai namun gagal kerana keadaannya yang terlalu lemah," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, penyu berkenaan kemudiannya diserahkan kepada Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang untuk rawatan lanjut.



Seekor anak penyu karah ditemui terdampar dalam keadaan lemah di Pantai Teluk Ketapang di Kuala Nerus pada Jumaat.